

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Kelewatan siap projek dan hasil kerja projek yang sangat rendah untuk *Arch Bridge* di Sungai Dua perlu diberikan perhatian yang serius kerana memberi imej yang tidak baik kepada ADUN dan Kerajaan Negeri.
- (a) Adakah kontraktor tersebut mempunyai kepakaran?
 - (b) Adakah kontraktor sub kepada pihak ketiga?
 - (c) Apakah tindakan terhadap kontraktor?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Kontraktor yang dilantik bagi projek *Arch Bridge* Sungai Dua merupakan kontraktor gred G5 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah pengkhususan CE02 iaitu kepakaran dalam bidang jambatan.
- (b) Kontraktor berkenaan adalah kontraktor utama projek dan bukanlah kontraktor sub kepada pihak ketiga.
- (c) Kelewatan kerja di tapak adalah berpuncu daripada kelewatan kerja-kerja pengalihan beberapa utiliti seperti paip Perbadanan Bekalan Air (PBA), kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB), kabel Telekom Malaysia (TM) dan saluran pembentungan Indah Water Konsortium (IWK), di mana syarat pengalihan utiliti terlibat dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak utiliti terbabit dan kerja-kerja pengalihannya adalah di luar kawalan kontraktor. Dalam hal

ini, berdasarkan syarat-syarat kontrak projek ini, kontraktor layak diberi lanjutan masa (EOT) dan tidak dikenakan tindakan. Kelewatian yang disebabkan oleh kerja pengalihan utiliti yang terlibat adalah berjumlah 437 hari bermula daripada 6 Februari 2017 hingga 1 Februari 2018.